

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29/3/2012

Ketua Pembangkang itu hilang punca bila dibangkitkan dalam Parlimen

Anwar melenting pasal isu Israel

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 28 Mac - Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim sekali lagi hilang punca apabila kenyataan beliau yang menyokong segala usaha untuk menjamin keselamatan Israel dibangkitkan di Parlimen.

Anwar yang berang apabila kenyataannya itu ditafsir sebagai menyokong keganasan Israel ke atas penduduk Palestin oleh Timbalan Menteri Luar, Datuk Richard Riot Jaem mengugut akan mengambil tindakan jika terus 'difitnah'.

Bagaimanapun, ketika dicabar **Datuk Abdul Rahman Dahlan (BN-Kota Belud)** mengapa tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas *The Wall Street Journal* (WSJ) jika benar kenyataannya me-



RICHARD RIOT



ANWAR IBRAHIM

nyokong keselamatan Israel adalah fitnah, Anwar membisu.

Sebaliknya, Ketua Pembangkang itu berterusan cuba untuk menegak benang basah apabila berkata, kenyataan beliau telah diputar belit oleh media arus perdana demi tujuan politik.

"Jangan gunakan ini (kenyataan kepada WSJ) untuk melabel saya menyokong keganasan Israel, ini

perbuatan biadab dan melanggar tatasusila, kenyataan saya bersyarat, bagaimana boleh tuduh saya sokong keganasan Israel?"

"Saya menyokong aspirasi rakyat Palestin begitu juga kerajaan, saya akan mempertahankan perkara ini. Saya akan bertindak jika terus difitnah, ini satu tafsiran yang kejam dan tidak bermoral," katanya di Dewan Rakyat, di sini hari ini.

Melihat Ketua Pembangkang itu berterusan menyalahkan pihak lain, Abdul Rahman sekali lagi tampil mempersoalkan Anwar mengapa beliau tidak menuntut akhbar antarabangsa itu memperbetulkan kembali kenyataan jika 'tidak sampai hati' hendak saman.

"Kita dengar penjelasan Permatang Pauh kononnya beliau mendokong aspirasi Palestin tetapi mengapa tidak minta WSJ buat kenyataan baru? Sedangkan ini jalan

paling mudah, saman susah dan minta maaf pun janganlah," katanya sinis.

Dalam pada itu, melihat ketua mereka tertekan dalam isu Israel, beberapa pemimpin pembangkang antaranya, **Datuk Saifuddin Nasution (PKR-Machang)**, **Tian Chua (PKR-Batu)** dan **Yusmadi Yusof (PKR-Balik Pulau)** tampil mempertahankan Anwar.

Paling menarik tindakan **Khalid Samad (Pas-Shah Alam)**, satu-satunya pemimpin Pas yang bermati-matian mempertahankan Anwar dengan berkata: "Jangan baca hanya satu ayat seperti Kota Belud, kamu tidak akan faham,"

"Jangan memfitnah Permatang Pauh, apa perasaan Ketua Pembangkang bila dilabel beliau sokong atau reda dengan pembunuhan rakyat Palestin oleh Israel? Kota Belud hanya tafsir ikut selera politik dia,"

katanya.

Terdahulu, Richard berkata, dakwaan Anwar kononnya beliau meletakkan syarat ketika mengeluarkan kenyataan itu hanya satu helah untuk mengaburi mata rakyat selepas dikritik hebat pelbagai pihak termasuk wakil Hamas.

Katanya, Anwar tidak meletakkan apa-apa syarat ketika menyatakan sokongan beliau terhadap segala usaha untuk menjamin keselamatan Israel sebaliknya, hanya berbuat demikian ketika ditanya mengenai hubungan diplomatik dengan Israel.

"Saya amat terkilan dengan cara Ketua Pembangkang memutar belit kenyataan beliau sendiri dalam WSJ, tiada syarat yang ditetapkan dalam menyokong keselamatan Israel, beliau hanya berbuat demikian dalam soal diplomatik," katanya.

UM - 29/3/2012